

**Sultan Kedah belum perkenan – Azizan  
Utusan Online  
09 Mac, 2012**

ALOR SETAR 8 Mac - Sultan Kedah, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah belum memberi perkenan terhadap cadangan dua nama Exco kerajaan negeri yang dipersembahkan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak di Istana Anak Bukit, di sini hari ini.

Azizan berkata, Sultan Kedah memerlukan sedikit masa untuk membuat keputusan mengenai dua nama yang dikemukakan itu bagi melengkapkan senarai 10 Exco kerajaan negeri.

"Sultan Kedah perkenan kemudian, bukan perkenan sekarang. Baginda ambil masa sedikit baru baginda perkenan," katanya ketika ditemui pemberita di luar Istana Anak Bukit selepas menghadap Sultan Kedah berhubung perkara tersebut.

Terdahulu, Azizan yang dibenarkan keluar dari Hospital Sultanah Bahiyah selepas mendapatkan rawatan mata tengah hari ini kelihatan memasuki Istana Anak Bukit pada pukul 4.50 petang dan keluar kira-kira sejam kemudian.

Ditanya bilakah majlis pelantikan dua lagi Exco akan diadakan, Menteri Besar berkata, perkara itu belum diputuskan dan perlu mengambil kira kelapangan pihak istana.

Katanya, majlis mengangkat sumpah pelantikan akan dibuat selepas Tuanku Abdul Halim memberi perkenan baginda yang dijangka dibuat dalam tempoh terdekat.

Sementara itu, satu sumber memberitahu, dua nama yang dikemukakan Azizan ialah Datuk Phahrolrazi Zawawi dan Dr. Ismail Salleh yang sebelum ini enggan dilantik semula sebagai Exco tetapi kembali bersetuju menerimanya selepas campur tangan Pas Pusat.

Difahamkan, Menteri Besar mempersembahkan cadangan nama mereka kepada Sultan Kedah selepas menerima surat daripada Pas Pusat berhubung keputusan mesyuarat khas parti bagi jalan penyelesaian krisis kepimpinan parti itu di negeri ini, Sabtu lalu.

Pas Pusat pada Isnin lalu mengumumkan bahawa Azizan kekal menjadi Menteri Besar Kedah sehingga Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), dua Exco diarahkan menerima tawaran menjadi anggota Exco Kedah dan penubuhan Jawatankuasa Pemandu untuk memantau pentadbiran Kerajaan Pas Kedah.

Pada 28 Februari lalu, hanya lapan anggota Exco Kedah dilantik semula berbanding kebiasaan 10 anggota iaitu tanpa kehadiran Phahrolrazi dan Ismail yang tempoh perkhidmatan mereka bagi penggal 2011 luput semalam.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0309&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_04.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0309&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_04.htm)